**ASSOCIATION OF DEVELOPMENT FINANCE INSTITUTIONS OF MALAYSIA**

**SIARAN AKHBAR**

*Untuk Siaran Segera*

# AHLI ADFIM PRIHATIN KEPERLUAN BARISAN HADAPAN

KUALA LUMPUR, 31 Mac 2020: Berikutan perkembangan wabak Covid-19 dan lanjutan tempoh Kawalan Pergerakan, ADFIM ingin memaklumkan bahawa ahli-ahli ADFIM akan terus komited memberikan perkhidmatan, bantuan dan sokongan.

Dalam seminggu ini, selain daripada perkhidmatan kepada pelanggan, Ahli-ahli ADFIM telah melaksanakan pelbagai program bagi membantu petugas barisan hadapan negara di dalam menangani wabak COVID-19.

Sehingga 30hb Mac 2020, sebanyak RM1.2 juta telah disumbangkan kepada pelbagai tabung dan organisasi barisan hadapan termasuk Tabung Bantuan Bencana Negara, Pusat Perubatan Universiti Malaya, Hospital Sungai Buloh, Hospital Serdang dan Hospital Sungai Buloh.

Disamping bantuan kewangan, ahli ADFIM juga membantu dengan pelbagai cara. Antaranya, MIDF menyumbangkan bantuan 'care packages', Bank Simpanan Nasional menyumbangkan bantuan peralatan dan JCORP melalui Waqaf An-Nur menyumbangkan Respiratory Ventilator.

Selain sumbangan dari institusi, ahli ADFIM juga menggerakkan tabung bagi memudahkan kakitangan ahli ADFIM menyumbang. MARA telah melancarkan Tabung Solidariti Warga MARA Prihatin bagi menyambut usaha ini.

Ahli-Ahli ADFIM akan terus berusaha untuk menyokong dan membantu dalam usaha menangani wabak COVD-19. ADFIM juga menyeru seluruh rakyat Malaysia untuk terus bertenang dan bersabar menghadapi ujian ini. ADFIM komited untuk bekerjasama dengan Ahli ADFIM bagi membantu mengurangkan beban pelanggan yang terkesan dengan wabak ini.

**HOTLINE AHLI ADFIM SEMPENA WABAK COVID-19**

| NO. | INSTITUTIONS | INSTITUTION'S HOTLINE/CUSTOMER CARE |
|---|---|---|
| 1 | Agrobank | 1300-88-2476 |
| 2 | Bank Rakyat | 1300-80-5454 |
| 3 | Bank Pembangunan Malaysia Berhad | 03-2611 3888. |
| 4 | Bank Simpanan Nasional | 1300-88-1900 |
| 5 | SME Bank | 03-2603 7700 |
| 6 | Malaysian Industrial Development Finance (MIDF) | 1300-88-6433 atau GrowYourBusiness@midf.com.my |
| 7 | Sabah Development Bank Berhad | 088-232177 atau info@sabahdevbank.com |
| 8 | Sabah Credit Corporation | 088-323888 atau pps_scc@sabahcredit.com.my |
| 9 | Development Bank of Sarawak Berhad | 082-551999 atau dbos@sarawak.gov.my |
| 10 | Borneo Development Corporation (Sabah) Berhad | 088-238816 atau mail@bdcsabah.com.my |
| 11 | Borneo Development Corporation (Sarawak) Berhad | 082-452 958 atau http://www.satriabdc.com.my |
| 12 | Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) | 03-21726000 atau commsadmin@mtdc.com.my |
| 13 | Majlis Amanah Rakyat | 03-2613 5086/03-2613 5087/03-2613 5082/03-2613 2243/03-2613 2247/03-2613 2000 |
| 14 | Perbadanan Usahawan Nasional (PUNB) | customerservice@punb.com.my |
| 15 | Perbadanan Nasional Berhad (PNS) | webmaster@pns.com.my |
| 16 | Johor Corporation (JCORP) | 07–2192692 atau pdnjohor@jcorp.com.my |
| 17 | Credit Guarantee Corporation (CGC) | 03-7880 0088 atau csc@cgc.com.my |

Pelanggan-pelanggan ahli ADFIM dinasihatkan untuk menghubungi cawangan yang berhampiran untuk mengetahui dengan lebih lanjut sebarang kemudahan yang ditawarkan oleh organisasi tersebut.

**Mengenai ADFIM**

ADFIM ditubuhkan pada 12 Januari 1981 dengan hanya 10 ahli dan sekarang telah bertambah kepada 17 organisasi dengan mandat untuk meningkatkan pengetahuan, kepakaran dan keberkesanan dalam semua aspek pembiayaan pembangunan dan penyelidikan dalam kalangan ahli-ahlinya. ADFIM juga bermatlamat untuk menggalakkan pengukuhan struktur institusi dan amalan yang baik dalam perniagaan dan profesion pembiayaan pembangunan dan penyelidikan dalam kalangan ahli-ahli anggota.

Ahli-ahli ADFIM terbahagi kepada 2 kluster utama:

1. Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) yang terdiri daripada 5 bank dibawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan (DFIA 2002) iaitu Agrobank, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Rakyat and SME Bank.

   Tujuh IKP lain adalah di bawah pengawasan dari pelbagai kementerian dan agensi kerajaan iaitu Borneo Development Corporation (Sabah dan Sarawak), Credit Guarantee Corporation, Malaysian Industrial Development Finance, Sabah Development Bank Berhad, Sabah Credit Corporation dan Development Bank of Sarawak Berhad.

2. Organisasi Pembangunan Keusahawanan yang terdiri daripada Amanah Ikhtiar Malaysia, Johor Corporation, Perbadanan Nasional Berhad, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad, Majlis Amanah Rakyat dan Malaysian Technology Development Corporation.


| **Dikeluarkan oleh:** | **Sila hubungi:** |
| --- | --- |
| Sekretariat<br>Persatuan Institusi-institusi Pembangunan Kewangan Malaysia (ADFIM)<br>Level 10, Menara SME Bank<br>Jalan Sultan Ismail<br>50774 Kuala Lumpur<br>Tel: 03-26949871<br>Fax: 03-26941673 | **Ir. Haji Mohd Prasad Hanif**<br>**Setiausaha Agung**<br>Tel: 03-26949871<br>Email: mohdprasad.hanif@adfim.com.my<br><br>**Muhamad Badri Othman**<br>**Sekretariat ADFIM**<br>Tel: 03-26949871<br>Telefon Bimbit: 016-2239404<br>Email: badri@adfim.com.my |